



جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكربي ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Ruj Kami : JKPNMPELB.100-6/2/23(5)

Tarikh : 10 September 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

MEKANISME PELAKSANAAN – DASAR PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 14/2019 yang bersidang pada 8 Mei 2019 telah **meluluskan** kaedah perkongsian dan pulangan projek usaha sama secara penswastan oleh Agensi dan Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri Melaka untuk disalurkan sebagai hasil Kerajaan Negeri Melaka seperti berikut:

- i) **Semua jenis projek usaha sama Agensi atau Anak Syarikat Kerajaan Negeri bersama pihak swasta perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penswastan Negeri (JKP).** Pihak UPEN, JKMM bertanggungjawab menguatkuasa dan memastikan setiap agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri mematuhi sepenuhnya keputusan ini;
- ii) **Kadar 10 peratus sumbangan kepada Kerajaan Negeri** daripada nilai balasan kasar adalah terpakai kepada semua jenis projek usaha sama antara Agensi dan GLC Negeri Melaka dengan pihak swasta. Kadar sumbangan bagi setiap transaksi adalah tertakluk kepada perubahan/pindaan dengan kelulusan Mesyuarat JKP dari semasa ke semasa;



MEKANISME PELAKSANAAN – DASAR PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA

- iii) Semua anak syarikat dengan pemilikan ekuiti 50 hingga 100 peratus oleh agensi Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada ketetapan kadar sumbangan ini;
- iv) Kaedah pembayaran kepada Kerajaan Negeri adalah melalui bayaran **tunai** yang dikemukakan oleh agensi dan anak syarikat terlibat kepada akaun bank 'Bendahari Negeri Melaka' **setiap suku tahunan**;
- v) JKPNM dengan kerjasama UPEN, JKMM bertanggungjawab untuk mewujudkan **mekanisme pemantauan** rekod Akaun Belum Terima bagi setiap projek usaha sama yang diluluskan pihak berkuasa melulus bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dipelihara. Agensi juga hendaklah mewujudkan rekod Akaun Belum Bayar kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan semakan silang kedua-dua pihak secara berkala; dan
- vi) Keputusan ini **berkuatkuasa serta-merta mulai 01 Januari 2019**.

3. Mesyuarat JKP Bil. 3/2019 bertarikh 11 Mac 2019 sebelum itu juga telah meneliti dan bersetuju dengan cadangan di atas bagi tujuan kelulusan dasar sebelum dibawa untuk kelulusan MMKN. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) selaku urus setia Mesyuarat JKP bertanggungjawab ke atas pengemaskinian dasar penswastan serta memastikan pelaksanaan dasar ini selaras keputusan MMKN.

4. Setelah lebih 2 tahun pelaksanaan dasar ini, masih terdapat sebilangan usaha sama dengan pihak swasta oleh Agensi atau GLC yang tidak mendapatkan kelulusan Mesyuarat JKP sebaliknya hanya dilaksanakan melalui kelulusan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) masing-masing. Tindakan ini mengakibatkan dasar yang telah ditetapkan ini tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan seterusnya boleh menyebabkan ketirisan kepada hasil Kerajaan Negeri.

MEKANISME PELAKSANAAN – DASAR PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA

5. Sehubungan itu, Jawatankuasa Penstrukturan Agensi dan GLC yang telah ditubuhkan dan bersidang pada 23 November 2020 lalu telah membincangkan status, mekanisme pelaksanaan dan pemantauan dasar ini. Hasil penemuan dan perbincangan, Unit Analisa dan Pemantauan Pelaburan (UAPP) JKPNM selaku urus setia jawatankuasa ini diminta untuk mengemaskini pemakluman kepada semua Agensi dan GLC. Jabatan ini juga telah menyediakan carta alir bagi memudahkan tindakan pematuhan di peringkat Agensi dan GLC seperti di **Lampiran B**.

6. Pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan diminta untuk menyenaraikan maklumat seperti format di **Lampiran C** bagi perjanjian usaha sama swasta yang telah ditandatangani dan belum mendapat kelulusan Mesyuarat JKP bermula 1 Januari 2019. Semua Agensi dan GLC hendaklah mengemukakan lampiran berkenaan **sebelum atau pada 30 September 2021** kepada urus setia JKP. Bagi Agensi dan GLC yang tidak menandatangani sebarang perjanjian usaha sama bermula tempoh kuatkuasa tersebut juga dikehendaki mengemukakan **pengesahan bertulis** kepada pihak urus setia JKP.

7. Pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai bertanggungjawab seperti di bawah jika memerlukan penjelasan lanjut berhubung perkara ini:

(i) **Dasar Perkongsian Pulangan kepada Kerajaan Negeri**

Pn. Roselina binti Mat Isa atau En. Nazri bin Saring

No. Telefon : 06-2307249 atau 06-2307537

Emel : roselina@melaka.gov.my atau
nazrisaring@melaka.gov.my

MEKANISME PELAKSANAAN – DASAR PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA

(ii) **Urus setia Mesyuarat JKP dan pembayaran pulangan perkongsian Kerajaan Negeri**

Pn. Indah Fitriani binti Hamidi atau Pn. Navaneswary a/p Subramaniam

No. Telefon : 06-2307715 atau 06-2307312

Emel : indah@melaka.gov.my atau
navaneswary@melaka.gov.my

8. Pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan juga hendaklah **memanjangkan surat ini kepada anak syarikat masing-masing** untuk tindakan serta memastikan pematuhan ke atas dasar ini. Surat edaran ini juga boleh dimuat turun melalui laman web rasmi JKPNM (<https://jkpnm.melaka.gov.my>) di ruangan Dasar Kerajaan > Agensi, Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri.

9. Perhatian dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK ZAIDI BIN JOHARI)

Pegawai Kewangan Negeri

MELAKA

MEKANISME PELAKSANAAN – DASAR PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA

s.k

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
2. YB Penasihat Undang-Undang Negeri
3. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
4. Setiausaha Bahagian, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
5. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
6. Bendahari Negeri
7. Penolong Pegawai Kewangan Negeri Kanan (Hasil)

MEKANISME PELAKSANAAN – DASAR PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA

LAMPIRAN A

SENARAI EDARAN

BIL	AGENSI / CLBG	SENARAI ANAK SYARIKAT
1.	<p>Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) Aras 4-11, Menara MITC Jalan Konvensyen Kompleks MITC 75450 Ayer Keroh MELAKA</p>	<p>1. Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd. 2. MITC Sdn. Bhd. 3. PM Project Centre Sdn. Bhd. 4. PM Multilink Sdn. Bhd. 5. Melaka Bekal Sdn. Bhd. 6. PKNM Energy Sdn. Bhd. 7. Melaka Halal Hub Sdn. Bhd. 8. Melaka Sentral Sdn. Bhd. 9. PKNM Oil & Gas Sdn. Bhd. 10. M Corp Hotel Sdn. Bhd. 11. Invest Melaka Berhad</p>
2.	<p>Pengurus Besar Yayasan Melaka Bangunan Yayasan Melaka MITC, Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh MELAKA</p>	<p>1. Pembangunan Pertanian Melaka Sdn. Bhd. 2. YM Mediscience Sdn. Bhd. 3. Hartanah Bumiputera Melaka SB 4. YM Maintenance & Service SB 5. YM Creative World Berhad 6. Samel Plantation Sdn. Bhd. 7. Melaka Tropical Fruit Farm Sdn. Bhd. 8. Padi Melaka Sdn. Bhd. 9. Melaka Beef Sdn. Bhd. 10. Melaka Herbs & Plants Sdn. Bhd.</p>
3.	<p>Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) Aras Bawah, Menara MITC Jalan Konvensyen Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh MELAKA</p>	<p>1. Planetarium Melaka Sdn. Bhd. 2. Melaka Hari Ini Sdn. Bhd. 3. Melaka World Heritage Sdn. Bhd. 4. Melaka Finance House Berhad 5. Melaka Golf Resort Sdn. Bhd. 6. Panorama Melaka Sdn. Bhd. 7. Melaka Maritime Industrial Park Sdn. Bhd. 8. MYDC Sdn. Bhd. (Putra Parking) 9. Ayer Keroh Country Club Bhd 10. Kumpulan Melaka Berhad (KMB)</p>

MEKANISME PELAKSANAAN – DASAR PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA

BIL	AGENSI / CLBG	SENARAI ANAK SYARIKAT
3a.	Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Melaka Berhad (KMB) No. 24-5 & 26-5, Tingkat 5 Bangunan Kota Cemerlang Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh MELAKA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaka Taming Sari Berhad 2. KM Engineering Sdn. Bhd. 3. KMB Dredging Sdn. Bhd. 4. MITC Bowplex Sdn. Bhd. 5. KMB Iklim Marin Sdn. Bhd. 6. Melaka Waterfront Sdn. Bhd.
4.	Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) No. 40-48, Jalan BKD 27 Taman Bukit Katil Damai 2 75450 Ayer Keroh MELAKA	<ol style="list-style-type: none"> 1. PERTAM Services Sdn. Bhd. 2. PERTAM Properties Sdn. Bhd. 3. PERTAM Trading Sdn. Bhd.
5.	Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) Aras 3, Wisma Negeri Bandar MITC, Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh MELAKA	<ol style="list-style-type: none"> 1. International Green Training Center (IGTC) 2. Green Global Smart Solutions Sdn. Bhd.
6.	Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Sungai & Pantai Melaka (PPSPM) Tingkat 9, Bangunan Graha Maju Jalan Graha Maju 75300 MELAKA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sungai Melaka Ventures Sdn. Bhd.
7.	Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Melaka (LPM) No 9-1, Jalan TU49A Kompleks Komersial Boulevard 75450 Ayer Keroh MELAKA	<ol style="list-style-type: none"> 1. LPM Development Sdn. Bhd. 2. LPM Maintenance Services Sdn. Bhd.

MEKANISME PELAKSANAAN – DASAR PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA

BIL	AGENSI / CLBG	SENARAI ANAK SYARIKAT
8.	Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioteknologi Melaka (PBM) Lot 7, Jalan MITC Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh MELAKA	1. Melaka Biotech Holdings Sdn. Bhd.
9.	Setiausaha Lembaga Tabung Amanah Melaka (LTAM) Aras 2, Blok Bentara Kompleks Seri Negeri 75450 Ayer Keroh MELAKA	1. Melaka ICT Holding Sdn. Bhd. 2. Syarikat Air Melaka Berhad 3. Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd. 4. Farmasi Putra Sdn. Bhd. 5. Klinik Putra Sdn. Bhd.
10.	Pengurus Besar Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) Kompleks Warisan Melaka Jalan Kota 75000 MELAKA	-
11.	Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) 242-1 Jalan Bukit Baru 75150 MELAKA	-
12.	Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) Pusat Islam Melaka Bukit Palah 75400 MELAKA	1. MAIM Holdings Berhad 2. Kompleks Falak Al-Khawarizmi 3. MAIM Bentara Sdn. Bhd. 4. MAIM Bentara Security Sdn. Bhd. 5. MAIM Industries Sdn. Bhd. 6. Pusat Zakat Melaka
13.	Naib Canselor Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) Kampus Utama, Batu 28 Kuala Sungai Baru 78200 MELAKA	1. ICM Construction Sdn. Bhd. 2. ICM Trading Sdn. Bhd. 3. ICM Hotel & Resorts Industries Sdn. Bhd. 4. ICM Industries Corporation Sdn. Bhd.

MEKANISME PELAKSANAAN – DASAR PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA

BIL	AGENSI / CLBG	SENARAI ANAK SYARIKAT
14.	Pengurus Besar Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM) Wisma INSPIM No. 25, Jalan Bachang Jaya 1 Off Jalan Tun Fatimah Taman Bachang Jaya 75250 MELAKA	-
15.	Pengurus Besar Institut Warisan Melaka (INSWA) No. 9, Rumah Kerajaan Bukit Peringgit 75150 MELAKA	-
16.	Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak (ITP) No. 6, Jalan Mutiara Melaka 3 Taman Mutiara Melaka 75350 Batu Berendam MELAKA	-

Nota:

Edaran kepada anak syarikat yang dimiliki oleh lebih daripada 1 agensi induk akan diuruskan oleh agensi yang mempunyai pegangan ekuiti terbesar di dalam anak syarikat berkenaan.

Contoh:

Ayer Keroh Country Club Berhad


Pemilikan ekuiti: CMI (60%), YM (20%) dan PKNM (20%)

Edaran ini akan dilaksanakan oleh CMI.


MEKANISME PELAKSANAAN – DASAR PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA

LAMPIRAN B

**CARTA ALIR TINDAKAN AGENSI ATAU GLC TERLIBAT
BAGI PROSES PROJEK USAHA SAMA SWASTA**



MEKANISME PELAKSANAAN – DASAR PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA



Kemukakan permohonan dan dapatkan keputusan Mesyuarat JKP berhubung penetapan nilai perkongsian dan pulangan kepada KN daripada urus setia JKP

*Rujukan:
Carta Alir Prosedur Permohonan Projek Penswastaaan (Garis Panduan Penswastaaan Negeri Melaka)*

Masukkan klausa berhubung nilai perkongsian dan pulangan kepada KN dan urus semakan draf Perjanjian oleh Pejabat PUU (MMKN Bil. 9/2019 dan 22/2019)

*Rujukan:
Garis Panduan Bagi Mendapatkan Semakan Dokumen Perjanjian daripada PPUUNM*

Muktamad dan urus proses menandatangani perjanjian usaha sama

Sediakan dan pantau bayaran perkongsian hasil kepada KN berdasarkan terma perjanjian

Selesai

MEKANISME PELAKSANAAN – DASAR PERKONGSIAN DAN PULANGAN PROJEK USAHA SAMA SECARA PENSWASTAAN OLEH AGENSI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI MELAKA UNTUK DISALURKAN SEBAGAI HASIL KERAJAAN NEGERI MELAKA

LAMPIRAN C

Nama Agensi/GLC: _____

Bil.	Perihal projek usaha sama	Pihak swasta	Tarikh Perjanjian ditandatangani	Nilai Projek/ Perjanjian	Pulangan kepada Agensi/GLC
1.	<u>Contoh</u> <i>Pembangunan Bercampur Di Atas Lot XXX</i>	<i>Syarikat XYZ Sdn. Bhd.</i>	<i>5 Januari 2019</i>	<i>RM20,500,000</i>	<i>Tunai - RM2,000,000 In Kind – RM2,000,000</i>
2.					
3.					
4.					
5.					